

Serbaneka

Haiwan Politik

Setelah menghabiskan masa 24 tahun menjadi

Ketua Pengarang ((*Daily Express*)) (akhbar

harian London yang terkenal dan cetak sebanyak 4,500,000

naskah sehari), akhirnya ((*Arthur Christiansen*))

meletakkan jawatannya.

Ia mengambil langkah yang demikian kerana tidak

puas hati terhadap tajuk yang menjadi lambang

akhbar yang dipimpinya, yang diletakkan oleh tuan punya akhbar

itu Lord Beaverbrook.

Tajuk itu berbunyi: "*Kebesaran Itu Tetap*

Untuk Empayar British"!

Arthur berkata: "aku ialah seorang wartawan,

bukan haiwan politik!"

* * *

Arnold Toynbee di Universiti Kaherah

Universiti Kaherah bersetuju menjemput Arnold

Toynbee, ahli sejarah Inggeris yang terkenal, untuk

memberi ceramah dalam lapangan sejarah.

Seyogianya disebut, Arnold Toynbee, dalam salah

satu buku sejarahnya yang telah terbit baharu-baharu ini telah

menelanjangkan Yahudi Israel dan menggambarkan

pencerobohan dan kekejaman Yahudi di Palestin satu-

persatu.

Kupasan ahli sejarah Inggeris yang masyhur

itu bukan sahaja telah menimbulkan kemarahan kaum

Yahudi tetapi juga telah menjadikan boneka-boneka Yahudi

huru-hara - seperti cacing kepanasan dan

sibuk melancarkan propaganda Yahudi!

* * *

Air Zamzam Dan Gerombolan Namrud!

Pada masa-masa yang akhir ini ((air zamzam)) pula

menjadi ejekan dan sasaran propaganda Yahudi

dan boneka-bonekanya.

Propaganda "*Gerombolan Namrud*" ini makin

meluas, sehinggakan ayat-ayat suci "*Ayat al-Kursi*"

misalnya, telah dijadikan bahan-bahan ejekan.

Khabarnya gerombolan ini telah mendirikan markasnya,

dan sedang menerima arahan dari "*Tel Aviv*"!

* * *

Penghulu perempuan

Miss Suzanne (penghulu kampung yang pertama

sekali di seluruh Amerika Syarikat) telah bersungut

tentang telatah wartawan-wartawan di sana, kerana akhbar-akhbar mereka

kerap kali menyiarkan gambar-gambarnya yang kelihatan sebagai

seorang perempuan tua dan menyebabkan dia berkeadaan

serba salah.

Padahal umurnya, katanya, baharu meningkat kepada

105 tahun sahaja!

* * *

Lari Dari Neraka Komunis

Kira-kira 12 juta orang Jerman dari daerah

Jerman Timur yang dikuasai oleh komunis telah

mencurah-curah masuk ke Jerman Barat.

Demikian menurut wartawan “*al-Zaman*” Iraq yang baharu melawat ke sana.

Orang-orang pelarian ini makin bertambah jumlahnya dan menjadi satu masalah yang sedang dihadapi oleh Jerman Barat.

* * *

Mengembangkan Pengajian al-Qur’ān

Tiap-tiap negeri Islam tidak ketinggalan daripada mengembangkan pengajian al-Qur’an dengan berbagai-bagai galakan.

Di Indonesia, menurut Ustaz Tobagus Makmun, ada kira-kira 2,000 orang yang hafaz Qur’an di seluruh Indonesia dan ada jamiyah-jamiyah yang mengurus dan bergerak mengembangkan pengajian kitab Allah itu seperti “*Jami’ah al-Qurra’ wa al-Huffāz*” (Perhimpunan Qari-qari dan Hafiz-hafiz - penghafiz Quran)

Ustaz Tobagus sendiri seorang hafiz dan telah mendapat hadiah ketiga dalam peraduan membaca Qur’an, anjuran persekutuan Tanah Melayu pada tahun yang lalu.

Di Saudi Arabia, al-Malik Saud sentiasa memberi galakan kepada rakyatnya dan bermurah hati mengurniakan 2,000 riyal kepada tiap-tiap seorang qari yang hafaz Quran.

Di Mesir, banyak sekolah-sekolah Quran yang mengeluarkan qari-qari yang hafaz Qur’an dalam usia kanak-kanak lagi. Bahkan di Azhar ada bahagian-bahagian yang tertentu, tidak menerima pelajar-pelajar melainkan yang telah hafaz Qur’an.

Di Pakistan, telah terdiri “*Dar al-Qur’ān*” di bandar Karachi, sebuah maktab khas untuk qari-qari dan penghafaz-penghafaz Qur’an. Menurut al-Ustaz Zahir Qasimi, guru di maktab itu, (yang juga telah mengambil bahagian dalam peraduan Quran di Tanah Melayu pada tahun lalu)



Tiga orang pelajar dari Maahad Al-Talabah Al-Husaini Sijangkang –Klang Selangor yang telah menerima ijazah al-Qur’ān al-Karim dari gurunya al-Fadil Ustaz Haji Husain pada bulan lalu. Dari kiri, saudara-saudara: Ma’mur Haji Nur dari Meru Klang, Yasin Rusdi Sijangkang Klang, dan Anuar Haji Abdul Razak Serom Muar, Johor.

-Kiriman Ikhwan 2441

bahawa jumlah qari-qari yang hafaz Qur’an demikiannya ialah kira-kira 300 orang.

Di negeri kita Tanah Melayu usaha yang mulia ini sedang mendapat perhatian. Yang Dipertuan Negara Singapura dan Tun Abdul Razak telah berjanji – dalam majlis-majlis peraduan Qur’an pada tahun yang lalu – bahawa Singapura dan Tanah Melayu adalah sedia memberi galakan sehingga tanah air kita dapat mengeluarkan bukan sahaja qari-qari yang terkemuka, tetapi juga qari-qari yang hafaz Qur’an dan dapat menyelami isinya dan mengembangkan ajarannya.

-Abu Faisal